

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN
BIN IDRIS [JERANTUT]**

SOALAN

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan dasar dan pelaksanaan Kementerian di dalam menangani masalah perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum melalui pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah merangka Dasar Perpaduan Negara dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara yang berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Dasar dan Pelan Tindakan ini adalah usaha berterusan Kementerian untuk mengukuhkan perpaduan yang bersifat inklusif dan mampan.

2. Pemahaman dan penghayatan Rukun Negara dipertingkatkan melalui pendidikan secara formal dan informal melalui sistem pendidikan sedia ada mahupun melalui program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian seperti berikut:

- a) **Menyemai nilai-nilai perpaduan seawal usia kanak-kanak** di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan dan 41 Taska Genius Perpaduan di seluruh negara.
- b) **Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara** kepada 6,621 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah serta diperluaskan

kepada 172 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di institusi pengajian tinggi awam dan swasta dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi.

- c) **Menambah baik Modul Pendidikan Rukun Negara** untuk diserapkan ke dalam sistem pendidikan negara bermula pada peringkat prasekolah sehingga ke peringkat Institut Pengajian Tinggi dan seterusnya disebarluas kepada semua lapisan masyarakat.
- d) **Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum** secara berterusan merangkumi semua lapisan masyarakat seperti berikut:
- i. Program MyRukun Negara
 - ii. Aktiviti Modul Silang Budaya
 - iii. Kem Jati Diri KRN
 - iv. Karnival Perpaduan SRN Peringkat Kebangsaan
 - v. Program Khidmat Masyarakat
 - vi. Program Interaktif Bersama SRN
 - vii. Konvensyen SRN

3. Pendidikan perpaduan melalui penerapan elemen Rukun Negara turut diperkasakan di pelbagai peringkat dengan lebih meluas melalui kerjasama bersama badan bukan kerajaan atau NGO dan badan swasta / korporat yang merupakan Rakan Perpaduan Kementerian.

4. KPN komited melipatgandakan usaha-usaha membina perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat melalui pelbagai inisiatif yang berterusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini hutang negara berbanding kadar keluaran dalam negara kasar (KDNK) serta 10 senarai pemiutang terbesar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga akhir-September 2020, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan telah meningkat kepada RM874.3 bilion atau 60.7% daripada KDNK. Berdasarkan pengiraan had statutori, nisbah hutang Kerajaan Persekutuan yang merangkumi instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) mencatat 56.6% daripada KDNK, masih di bawah had statutori 60% yang ditetapkan.

2. Secara umumnya, 75.2% daripada hutang Kerajaan Persekutuan merupakan pemegang domestik dan 24.8% adalah pemegang asing. Sehingga akhir-September 2020, pemegang domestik dalam hutang Kerajaan Persekutuan meliputi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (25.2%), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) (3.0%), syarikat insurans (4.5%), institusi perbankan (34.4%), institusi kewangan pembangunan (1.8%) dan lain-lain (6.3%).

Sekian, terima kasih.